



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, NOVEMBER 2025

Kadar pengangguran November turun ke paras terendah sejak Disember 2014 iaitu pada 2.9 peratus, dengan bilangan penganggur seramai 518.4 ribu orang

PUTRAJAYA, 09 JANUARI 2026 - Kadar pengangguran pada November 2025 menurun ke paras terendah dalam tempoh 11 tahun, iaitu yang terendah dalam 132 bulan, dengan bilangan penganggur seramai 518.4 ribu orang. Kali terakhir kadar pengangguran di bawah 3 peratus dicatatkan adalah pada November 2014, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Angka tersebut diperincikan dalam penerbitan **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, November 2025**. Laporan ini memberikan gambaran mengenai penawaran tenaga buruh di Malaysia, berdasarkan dapatan yang dikumpul melalui Survei Tenaga Buruh yang dijalankan oleh DOSM.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi November 2025, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kedudukan ekonomi yang menggalakkan pada bulan tersebut dilihat terus menyokong pertumbuhan yang stabil dalam pasaran buruh. Justeru, tenaga buruh bertambah sebanyak 0.2 peratus mencecah 17.61 juta orang pada November 2025 (Oktober 2025: 17.58 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh pada bulan tersebut tidak berubah iaitu pada 70.9 peratus seperti bulan sebelumnya."

Begitu juga, bilangan penduduk bekerja berada dalam trend peningkatan pada November 2025, naik sebanyak 0.2 peratus kepada 17.09 juta orang berbanding 17.06 juta orang pada Oktober 2025. Sementara itu, bilangan penganggur menurun sedikit 0.1 peratus kepada 518.4 ribu orang (Oktober 2025: 518.9 ribu orang). Kadar pengangguran pada November turun 0.1 mata peratus kepada 2.9 peratus (Oktober 2025: 3.0%), iaitu kadar terendah dalam tempoh sebelas tahun.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa daripada jumlah keseluruhan penduduk bekerja pada bulan tersebut, 74.8 peratus dikelaskan dalam kategori pekerja. Kategori ini merekodkan pertambahan sebanyak 0.1 peratus, mencecah 12.78 juta orang berbanding 12.76 juta orang pada Oktober 2025. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja sendiri turut meningkat 0.3 peratus kepada 3.26 juta orang, berbanding 3.25 juta orang pada bulan sebelumnya.

Selain itu, bilangan guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan terus menunjukkan pertumbuhan yang stabil, terutamanya dalam Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial; Perdagangan borong & runcit, serta aktiviti Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman. Begitu juga, sektor Pertanian, Pembuatan, Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian turut mencatatkan peningkatan dalam guna tenaga.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu meningkat sebanyak 1.6 peratus kepada 237.0 ribu orang pada November 2025, berbanding 233.2 ribu orang pada Oktober 2025. Sehubungan itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, yang ditakrifkan sebagai mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan sanggup menerima tambahan jam bekerja, naik sebanyak 2.7 peratus merekodkan 129.9 ribu orang (Oktober 2025: 126.4 ribu orang). Oleh itu, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa meningkat kepada 0.8 peratus pada November 2025 (Oktober 2025: 0.7%).

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran bagi November 2025, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa mereka yang bersedia untuk bekerja dan sedang aktif mencari pekerjaan, atau diklasifikasikan sebagai penganggur aktif, merangkumi 79.8 peratus daripada jumlah penganggur. Kumpulan ini mencatatkan penurunan sebanyak 0.1 peratus, dengan bilangannya berkurang kepada 413.5 ribu orang (Oktober 2025: 413.8 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, 64.4 peratus merupakan mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun merangkumi 5.0 peratus. Sementara itu, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, menurun sebanyak 0.2 peratus kepada 104.9 ribu orang berbanding 105.1 ribu orang pada Oktober 2025.

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun kekal tidak berubah iaitu pada 10.1 peratus pada November 2025, dengan 297.9 ribu penganggur belia, berbanding 297.6 ribu orang pada Oktober 2025. Begitu juga, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun kekal pada 6.1 peratus, mencatatkan seramai 398.0 ribu penganggur belia, lebih rendah berbanding 398.5 ribu orang yang direkodkan pada Oktober 2025.

Bagi luar tenaga buruh, bilangannya mencatatkan peningkatan kecil iaitu sebanyak 0.01 peratus kepada 7.22 juta orang pada bulan tersebut (Oktober 2025: 7.22 juta orang). Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan komposisi terbesar penduduk di luar tenaga buruh, dengan sumbangan sebanyak 43.7 peratus. Ini diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan pada 40.8 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, kedudukan pasaran buruh Malaysia dijangka akan kekal stabil dan terus berkembang secara positif pada bulan-bulan yang akan datang dengan peluang pekerjaan baharu yang diwujudkan dalam sektor strategik. Seterusnya, kemahiran tenaga kerja akan dipertingkatkan lagi melalui latihan semula dan peningkatan kemahiran. Pada masa yang sama, pembangunan wilayah yang lebih seimbang dijangkakan, dengan peluang pekerjaan yang meluas ke luar bandar.


Justeru, pasaran buruh Malaysia diramal akan kekal kompetitif, inklusif, dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran global, di samping memanfaatkan peluang daripada transformasi digital dan agenda hijau.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari 2024 - November 2025



Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari 2024 - November 2025



Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari 2024 - November 2025



Nota: Indikator Survei Tenaga Buruh bagi Januari 2024 dan seterusnya dianggar berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 JANUARI 2026